



# Persepsi

**Apabila** anda terserempak dengan seseorang yang anda tidak kenali dan perilakunya agak menarik-gagah maka tentunya kita mula membuat suatu tanggapan atau persepsi yang tentunya tidak baik kepada individu tersebut. Sama ada benar atau tidak persepsi tersebut bergantung kepada peristiwa atau kesan selepas itu. Apa yang jelas kita akan mengatakan 'oh silapnya aku' atau 'malunya aku' kerana buruk sangka terhadapnya. Kemungkinan juga berlaku selaliknya "...memang dia agaknya..." atau 'nasib baik aku tidak percayakaninya'.

Inii bermakna dalam menempuh kehidupan sehari-hari kita tidak boleh elak dari terjerumus dengan pelbagai macam persepsi. Secara umumnya, persepsi terbahagi kepada dua jenis iaitu persepsi positif dan persepsi negatif. Persepsi positif terhadap individu atau kelompok tertentu walaupun tidak semestinya betul namun ia juga amat membantu membentuk suasana keharmonian. Manakala persepsi negatif kepada individu atau kelompok tertentu walaupun benar ia juga akan menimbulkan suatu fenomena yang amat tidak harmonis dalam kehidupan manusia. (Sementelah jika persepsi negatif tersebut adalah sama sekali tidak benar). Memandangkan skop persepsi negatif ini lebih membulan kesan yang tidak baik maka ia juga akan menjadi fokus perbincangan dalam artikel ini.

## Apakah puncanya.

Persepsi negatif ini timbul akibat daripada pengalaman atau peristiwa lama yang telah dilalui sebelum ini. Sebagai contoh, semasa kecil beliau selalu diejek dan dikhianati oleh individu yang badannya agak besar atau gemuk. Justeru, apabila beliau besar, tentunya akan membuat persepsi bahawa individu yang badannya gemuk suka mengejek dan mengkhianati orang lain. Menurut kajian pemikiran logik keadaan ini dikenali sebagai logik deduksi di mana kita membuat kesimpulan khusus daripada suatu peristiwa yang umum. Selain itu kita juga terdedah untuk melakukan logik induksi di mana kita membuat kesimpulan umum daripada sesuatu peristiwa yang khusus. Contohnya setiap kali beliau membeli gelang kepada isterinya maka isterinya akan berhenti membeli. Justeru suaminya membuat kesimpulan pemberian gelang dapat menghentikan leteran isteri. Akibatnya si suami akan bekerja dengan lebih keras lagi kerana sentiasa ingin membeli gelang baru kepada isterinya agar berhenti berleter. Sedangkan beliau tidak pernah cuba hadiah dalam bentuk yang lain. Justeru, persepsi sebegini cukup bahaya kerana bukan sahaja si suaminya sentiasa tertekan malah menjadi buah mulut jiran tetangga atau masyarakat bahawa isterinya suka memaksa suami membeli gelang baru kepada dengan balasan akan membeli jika tidak dapat gelang tersebut. Apa yang jelas si isteri sedikitpun tidak mengetahui akan keadaan yang sebenar.

Selain itu perbezaan latar tempat dan budaya juga boleh menimbulkan persepsi yang salah. Situasi ini banyak berlaku apabila dilakukannya dengan perbezaan adat dan budaya. Contohnya dalam adat perkahwinan tentunya berbeza antara lokasi dengan lokasi yang lain. Jika tidak diselidiki dengan baik kemungkinan akan berlaku percanggahan pendapat dan mewujudkan hubungan yang tidak harmonis. Justeru, benarlah pesan orang tua-tua merisik itu penting sebelum dilangsungkan majlis perkahwinan. Berbalik kepada tindakan merisik tadi, ia juga bukan hanya baik dilakukan dalam budaya perkahwinan tetapi ia juga cukup baik jika dijadikan amalan oleh setiap individu bagi mencari sesuatu kepastian. Sehubungan itu, ia juga dapat membantu seseorang itu mudah membuat andaian terhadap sesuatu isu atau individu yang lain.

Andaian yang salah juga menyumbang kepada persepsi yang negatif. Analogi yang paling mudah ialah, bagi pemain sukan badminton jika beliau membuat andaian yang salah semasa perlawanan badminton tentunya bola yang dijangka keluar itu sebenarnya masuk kedalam gelanggang. Begitu juga dengan penjaga gol, jika andaian yang salah dibuat tentunya bola yang dijangkakan jauh melakaui palang gol sebenarnya telah masuk ke dalam gol. Akibatnya pemain tersebut menanggung malu dan sedih dengan kekalahan diri dan pasukan mereka. Situasi sebegini juga berlaku dalam kehidupan sehari-hari kita. Banyak andaian yang salah telah dibuat kepada individu dan kelompok tertentu. Teringat saya pada satu situasi di mana duduk disebelah wanita semasa dalam perjalanan balik ke Kelantan menaiki bas. Wanita di sebelah saya nampak cukup tidak senang dengan saya. Maklumlah saya bukannya tergolong dalam kategori 'handsome'. Malah pakaian saya pada malam itu cukup selekeh. Namun apabila seorang pelajar saya menegur dengan memanggil perkataan 'Encik' dan memanjangkan perbualan berkaitan dengan topik pembelajaran, saya mula sedar wanita tersebut mula menampakkan respons yang agak baik kepada saya. Apabila dinyatakan pekerjaan saya, wanita tersebut nampak lebih malu dengan sikapnya sebelum ini. 'Nampaknya begitulah kehidupan...' perkataan tersebut mula tertanam dalam benak pemikiran saya.

Persepsi yang salah juga boleh berlaku akibat pengaruh persekitaran. Contohnya, apa yang berlaku di Sulawesi Indonesia. Apabila ramai kelompok yang mengadakan demonstrasi anti Malaysia, maka timbul persoalan adakah kesemua mereka yang terlibat dengan demonstrasi tersebut anti kepada Malaysia. Apa yang jelas kebanyakan mereka bertindak

kerana terpengaruh dengan keadaan atau pengaruh persekitaran pada masa itu. Ini bermakna, setiap dari kita haruslah berhati-hati dengan pengaruh persekitaran kerana jika tidak dilikawal dengan baik kesemuanya terpalit seperti mana kata pepatah Melayu 'akibat nilai setitik habis susu sebelanga'.

Persepsi negatif juga boleh berlaku apabila seseorang itu merasakan dirinya sempurna. Apa tidaknya, selain mendapat anugerah tertinggi dalam pembelajaran dan dianugerahi pangkat yang tinggi pula tentunya merasakan dirinya lebih hebat dan sempurna berbanding dengan orang lain. Bila membicarakan hal ini saya teringat kepada pasangan seorang ulama di Syria iaitu Dr. Muhammad Said Ramadhan Al-Buti di mana telah menegaskan bahawa kita sebenarnya dilahirkan dalam keadaan lemah dan akan diakhirkannya juga dengan keadaan lemah. Beliau juga menegaskan perbezaan di antara individu yang cerdik dengan individu yang berilmu. Sesungguhnya individu yang cerdik belum tentu lagi berilmu kerana kecerdikan itu hanya terbatas kepada kepadailannya dalam bidang tertentu sahaja. Manakala orang yang berilmu pula menggunakan kecerdikannya untuk menguasai kepelbagai ilmu menerusi pergaulan dengan individu yang lebih berpengalaman. Justeru sifat angkuh, tinggi diri, ego dan sebagainya lagi merupakan satu sifat di mana manusia tidak sedar akan hakikat bahawa kecerdikan dan pemakaian pangkat kepadanya adalah bersifat sementara sahaja.

## Volumenya akan semakin besar apabila ...

Persepsi negatif ini boleh merebak jika terdapat banyak pihak yang menyokong sifat sedemikian. Justeru, tabiat suka bercakap di belakang, menjana khabar angin dan suka membuat telahan dan andaian dijadikan sebagai rutin kehidupan. Keadaan akan menjadi lebih seronok di kalangan golongan seperti ini apabila terdapat sedikit bukti yang mengiakan persepsi negatif sebelum ini. Jadi apa lagi.. spekulasi terhadap individu tersebut akan dipanjangkan lagi.

Situasi sebegini cukup bahaya jika tiada usaha dilakukan untuk memperbetulkan keadaan. Akibatnya ia akan menyuburkan lagi sikap suka melihat kejatuhan orang lain. Sedangkan mereka lupa bahawa kehidupan didunia ini perlu kepada rangkaian kesepadan manusia. Kalau dalam sembahyang tuan imam meminta saf dirapatkan sebelum mulakan sembahyang mengapa pula selepas sembahyang saf persahabatan dan kekeluargaan ummah dipecahkan. Adakah Allah swt boleh ditipu dengan sikap kita. Renunganlah...

## **Bagaimana Kesannya...**

Persepsi negatif ini jika tidak ditaangkan dengan baik boleh menjadikan ia seperti kuman kanser yang begitu cepat menular dalam tubuh badan manusia. Kesan yang paling jelas berlaku pada seseorang individu ialah meningkatnya Konflik Intrapersonal dalam dirinya. Konflik ini berlaku akibat pertembungan di antara elemen 'ideal self' (nilai yang ingin dicapai) dengan 'real self' (nilai yang ada dalam diri). Justeru bila tidak tercapai apa yang dikehendaki maka ia akan membentuk ciri-ciri kegelisahan, sakit hati, berdendam, tertekan dan pelbagai penyakit hati lagi. Akibatnya situasi murung, kecewa dan personaliti yang tidak turun mulu di zahirkan. Allah swt ada menyebut di dalam surah Al-Baqarah di mana barangsiapa yang mempunyai sifat hasad dengan suka memfitnah kepada orang lain maka Allah akan menambahkan lagi sifat tersebut kedalam dirinya kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang memfitnah.

Selain itu, persepsi negatif ini boleh menimbulkan Konflik Interpersonal kepada individu terabit. Ini kerana aktiviti berkomunikasi tidak dapat berlaku dengan baik kerana melibatkan elemen siindiran, puji tanpa iklhas, suka merendahkan orang lain, memandang sinis dan sebagainya lagi. Akibatnya hubungan yang terjalin selepas itu tentunya tidak akan harmonis lagi.

Situasi sebegini lama kelamaan boleh menjadikan perkembangan organisasi. Ini kerana ujudnya elemen berpuak-puak. Justeru bekerja sudah menjadi tidak seronok lagi kerana kepercayaan terhadap individu dan kelompok tertentu sudah hilang. Bagi individu yang kuat ketahanan diri, beliau akan bersifat 'Ultra-Independent' di mana kesemua kerja dilakukan sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Manakala bagi individu yang bersifat lemah mula mengintai organisasi lain yang lebih selamat. Namun hakikatnya kedua-dua situasi tersebut bukannya membantu memperkembangkan organisasi sebaliknya boleh meruntuhkan organisasi berkenaan. Ini kerana kegagalan sebuah organisasi hanya dapat dipercayai dari sikap 'team building' yang cukup tinggi dalam organisasi berkenaan.

## **Bagaimana mengurangkannya...**

Seorang ahli psikologi barat John Gray dalam bukunya "Man From Mars and Woman From Venus" telah menegaskan bahawa;

"hubungan yang berdasarkan kepada menghormati perbezaan individu adalah lebih cepat mekar berbanding dengan jalinan hubungan yang bersusah payah mencari formula persamaan individu."

Manakala Howard Gardner dalam bukunya "Theory of Multiple Intelligences" telah menegaskan bahawa;

"Terdapat lapan kebijaksanaan atau kemahiran dalam diri manusia iaitu; Logikal, Linguistik, Musikal, Ruang, Keindahan gerak badan, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal dan naturalistik."

Berdasarkan kepada penjelasan kedua-dua buku tersebut adalah jelas bahawa setiap manusia mempunyai kelebihan yang berbeza. Justeru sikap merasakan kita lebih dan orang lain kurang merupakan satu sikap yang benar-benar tidak mahu memahami hakikat sebenar kehidupan. Malah menurut pakar psikologi, mereka yang bersifat sedemikian sebenarnya takut menghadapi persaingan. Apa tidaknya, jika mereka kalah tentunya akan membongkarkan kelemahan yang ada dalam dirinya. Persoalannya sampai bila kita harus sembunyikan kelemahan kita? Dan persoalan juga timbul iaitu sampai bila kita tidak mahu bertindak memperbetulkan kelemahan kita. Hanya orang yang Jahil sahaja membiarkan sifat itu terpendam dalam dirinya.

Justeru, mulai sekarang kita haruslah belajar melihat seseorang itu atau kelompok tertentu dengan tenang tanpa melibatkan prejudis dan persepsi negatif. Seandainya terdengar khabar angin usahlah dipanjangkan kerana khabar tersebut berkemungkinan racun. Bercakaplah dengan fakta. Kurangkanlah bercakap



keburukan orang lain. Jika tidak berpuas hati bersesekualah. Jangan dipendam perasaan marah kerana pada satu peringkat ia akan memuntahkan larva yang cukup dasyat. Akibatnya, hubungan tidak dapat dipulihkan lagi. Kalau pun dapat dipulihkan parut tetap ada.

## **Rumusan**

Saya teringat kata-kata pujangga Dr Uthman El-Muhammady, tokoh Maal Hijrah pada tahun ini. Beliau menegaskan;

"Jika orang buat jahat kepada kita, kita lupa  
Jika kita buat jahat pada orang, kita jangan lupa  
Jika kita buat baik pada orang, kita lupa  
Jika orang buat baik kepada kita, kita jangan lupa"

Prof. Hamka juga menyebut;

"Buat baik dibalas baik adalah biasa, buat jahat dibalas jahat adalah biasa, tetapi buat jahat dibalas baik adalah luar biasa."

Justeru, berdasarkan kepada kata-kata pujangga tersebut, sifat sabar dan berhemah itu penting dalam mengharungi calbaran kehidupan. Namun sifat tersebut bukannya boleh lahir dan ujud dalam sekilip mata tetapi ia akan muncul setelah kita membersihkan diri dan jiwa kita dari bersikap suka membuat persepsi negatif terhadap orang lain. Di tambah pula dengan pertambahan amalan kebaikan dalam diri akan mempercepatkan lagi keujudan sifat-sifat unggul dalam diri atau lebih hebat disebut 'Towering Personality'.

Wallahuallam.  
Wassalam.

Hj. Huzili bin Hj Hussin  
Timbalan Dekan  
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)  
Kangar Perlis.